

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
KAWASAN : KUALA KEDAH
NO. SOALAN : 421

DR. AZMAN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai kilang-kilang yang telah memindahkan operasi mereka ke luar Malaysia di tahun 2016. Apakah sebab-sebab kilang-kilang ini meninggalkan Malaysia serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh Januari hingga September 2016, syarikat yang menutup operasi perniagaannya dan berpindah ke negara lain adalah seperti berikut:

- i) Samsung Electronics Display (M) Sdn. Bhd. – berpindah ke Viet Nam; dan
- ii) Penang Seagate Industries (M) Sdn. Bhd. – berpindah ke Thailand.

Antara sebab-sebab penutupan operasi adalah:

- Penurunan dalam jualan dan permintaan pasaran
- Peningkatan dalam kos pengeluaran
- Sumber bahan mentah yang terhad
- Pengambilalihan oleh syarikat lain
- Penstrukturan semula syarikat
- “*Disruptive technology*” iaitu kemunculan teknologi baharu yang menggantikan teknologi dan produk sedia ada. Ia mendorong syarikat untuk mengubah operasi perniagaan bagi memastikan produk syarikat kekal relevan di pasaran.

Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah untuk terus mengukuhkan daya saing dan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan dalam kalangan pelabur tempatan dan asing melalui:

- i. Pelaksanaan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensif modal, industri berintensif pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D.

Dalam konteks ini, pelbagai galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri-industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambahbaik secara berterusan;

- ii. Penganjuran misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baru.

Sebagai contoh, antara misi penggalakan perdagangan dan pelaburan yang telah dijalankan sehingga Oktober 2016 termasuklah Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan ke New Zealand, Thailand, Singapura, India, Sri Lanka, China, Hong Kong, Iran dan Jerman;

- iii. Penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di dalam dan luar negara;
- iv. Memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;
- v. Pembangunan rangkaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rangkaian industri samada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu. Antara langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *suppliers' conferences* dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor.

Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching*, untuk memulakan projek usahasama atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak; dan

- vi. Menganjurkan "*media engagement*" dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menyampaikan maklumat-maklumat pelaburan yang terkini kepada pelabur-pelabur yang berpotensi.